

01 AUG 1996

TIADA SEKATAN KE ATAS PEMILIKAN SYARIKAT DAN PEKERJAAN DALAM MSC: PM

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pengimportan pekerja-pekerja berpengetahuan tidak terhad akan dibenarkan di dalam Koridor raya Multimedia (MSC) di mana tiada sekatan ke atas pemilikan asing selama 10 tahun akan datang.

Komitmen ini di samping beberapa yang lain akan menjadi sebahagian daripada Bil Jaminan-jaminan Multimedia bagi syarikat-syarikat MSC, katanya semasa merasmikan Persidangan Multimedia Asia '96 mengenai MSC di sini hari ini.

Kabinet telah menubuhkan Perbadanan Pembangunan Multimedia bagi memastikan syarikat-syarikat MSC mempunyai persekitaran yang terbaik bagi menggunakan perkhidmatan multimedia, tambah beliau.

Dr Mahathir berkata MDC akan mempunyai kuasa-kuasa kerajaan tetapi ia akan dikendalikan seperti perbadanan swasta untuk berkhidmat kepada syarikat-syarikat MSC. Perlantikan Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah sebagai pengerusi MDC telah diluluskan, tambahnya.

MDC akan mempunyai mandat sebagai sebuah "kedai sehenti" untuk mengurus dan memasarkan MSC. Permohonan-permohonan bagi syarikat-syarikat yang mencari tugas MSC akan berhak kepada galakan dan jaminan kini dibuka.

Mereka juga boleh mengemukakan permohonan secara elektronik melalui 'homepage' (halaman sendiri) MSC di dalam Internet.

Merujuk kepada Bil Jaminan-jaminan Multimedia, Dr Mahathir berkata multimedia/IT adalah sektor keutamaan bagi mencapai Wawasan 2020; MSC akan menjadi tapak pembangunan multimedia paling berketerampilan di Malaysia.

Ia akan mempunyai persekitaran terbaik di Asia dengan mengujudkan undang-undang, dasar-dasar dan amalan-amalan khusus MSC, dan juga mempunyai prasarana fizikal dan maklumat berkelas dunia, tambahnya.

Beliau berkata MSC akan menjadi pusat serantau kecemerlangan dalam pendidikan multimedia, penyelidikan dan aplikasi terkemuka.

Ia akan menjadi pemimpin di dalam pengawasan multimedia, undang-undang siber bagi menggunakan IT untuk menghantar nilai di dalam cara-cata berita (seperti telemedicine, pembelajaran jarak jauh dan tanda tangan elektronik), dan perlindungan harta intelek akan diperundangkan, tambahnya.

Beliau berkata kontrak-kontrak prasarana penting MSC itu akan ditawarkan kepada syarikat-syarikat yang sanggup menggunakan MSC sebagai pusat serantau mereka; ia akan menawarkan galakan-galakan terbaik dan persekitaran kewangan/modal usaha.

Galakan-galakan bagi syarikat-syarikat MSC masih lagi sedang diperincikan, tetapi beberapa syarikat telah komited kepada MSC dalam tahun akan datang, katanya.

Ia termasuk pengecualian cukai korporat bagi 5-10 tahun bergantung kepada cadangan aplikasi-aplikasi yang akan dilaksanakan di dalam MSC, dan kontrak prasarana akan diberikan pada asas keutamaan kepada syarikat-syarikat MSC.

Pakar-pakar multimedia dan ketua-ketua pegawai eksekutif daripada negara-negara luar telah dipelawa menduduki di dalam Panel Penasihat Antarabangsa Terkemuka, yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, yang akan memberikan nasihat pada asas berterusan mengenai kualiti persekitaan MSC secara menyeluruh.

Dr Mahathir berkata menjelang tahun 2000, beliau menjangka akan melihat tujuh aplikasi khas akan dimajukan di dalam MSC oleh "jaringan-jaringan" syarikat-syarikat antarabangsa dan Malaysia.

Pertama, Malaysia akan menjadi perintis di dalam kerajaan elektronik yang akan merupakan pentadbiran tanpa kertas berangkaian multimedia yang menghubungkan Putrajaya, pusat pentadbiran baru negara, ke pusat-pusat kerajaan bagi kemudahan kerjasama antara kerajaan dan memudahkan warganegara mendapat kemudahan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan, tambahannya.

Kedua, Malaysia akan menjadi pusat serantau bagi telemedicine memandangkan klinik-klinik luar bandar tidak boleh dihubungkan kepada pakar perubatan di Malaysia dan ke klinik-klinik besar di seluruh dunia yang menggunakan teleinstrumen bagi diagnosis jarak jauh.

Dr Mahathir berkata Malaysia adalah pusat semula jadi dengan pengetahuan perubatan China, Ayurvedik dan Barat.

Ketiga, beliau berharap MSC akan menjadi pusat rangkaian kerjasama universiti-universiti dan penyelidikan dan pembangunan korporat, yang menggunakan pembelajaran jarak jauh untuk mengeluarkan siswazah dan inovasi generasi akan datang.

Dr Mahathir juga berharap bahawa MSC akan menjadi pusat penyelarasan pengeluaran jarak jauh dan sokongan kejuruteraan yang secara elektronik membolehkan syarikat-syarikat di negara-negara berkos tinggi mendapat kemudahan kilang-kilang di seluruh Malaysia dan Asia sebagai sambungan berterusan operasi domestik mereka.

Berikut, MSC harus menjadi pusat perkhidmatan pelanggan multimedia yang menyokong hubungan pelbagai kebudayaan Malaysia yang unik bagi mengadakan penerbitan elektronik, petempatan kandungan, tele pemasaran dan penjagaan pelanggan jarak jauh ke pasaran seramai 2.5 bilion orang.

Keenam, MSC akan menjadi perlindungan kewangan yang amat cantik daripada segi alam sekitar dan amat selesa dengan hubungan multimedia langsung ke Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan dan pusat-pusat kewangan dunia.

Akhirnya, Malaysia akan mempunyai kad bijak pelbagai guna kebangsaan yang pertama di dunia yang tertanam dengan pengenalan individu, tandatangan elektronik dan kemudahan kepada perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan, perbankan, kredit, telefon, pengangkutan dan kelab.

Ringkasnya, Dr Mahathir berkata, beliau meramalkan MSC sebagai kelebihan utama sebuah strategi kebangsaan yang baru bagi Malaysia untuk mencapai matlamat-matlamat yang disebutkan di dalam Wawasan 2020 Malaysia, dan beliau menjangka melihat beberapa syarikat Malaysia berkelas dunia akan muncul daripadanya.

Ia juga akan mempercepatkan pembangunan sebuah sektor perkhidmatan yang kukuh untuk mengimbangi sektor pembuatan Malaysia yang telahpun teguh sambil membantu mempertingkatkan produktiviti dan kualiti hidup. -- BERNAMA

MSL OS/sia